

BAB 2

KONSEP DAN KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan

Terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan terhadap kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad dalam parti UMNO dari beberapa aspek, samada pergolakan politik, ekonomi mahupun sosial. Walaubagaimanapun, penyelidikan yang berkaitan kepimpinan dan peranan Dr. Mahathir Mohamad sebagai jurucakap negara-negara membangun khususnya yang berkaitan dengan perubahan dasar luar Malaysia kurang dilakukan.³⁰ Kajian yang terperinci tentang kepimpinan dan peranan beliau dalam mengartikulasikan pandangan negara-negara membangun tentang ketidakadilan dalam pentas antarabangsa adalah sangat kurang. Kajian yang memaparkan beliau sebagai jurucakap negara-negara membangun tidak dilakukan dengan mendalam. Kalau adapun penulisan tentang Dr. Mahathir Mohamad, ia adalah sekadar menyentuh peranan dan pimpinan beliau dalam perjuangan dan percaturan politik UMNO sahaja.

Dalam bab 2 ini penulis telah membuat kajian literaturnya secara menyeluruh dan terperinci ke atas hasil kajian yang pernah dilakukan oleh penganalisis politik tempatan mahupun luar negeri yang dianggap berwibawa. Hasil kajian oleh David Camroux, Johan Saravanamuttu, K.S. Nathan, Harold Crouch, Michael Leifer, dan lain-lain penganalisis

³⁰ Chamil Wariya, *Dasar Luar Era Mahathir*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1989, hlm. iv

politik telah dijadikan sebagai panduan dan petunjuk dalam mengupas tajuk kajian yang akan di bentangkan nanti. Dalam kajian literatur, penulis memberi tumpuan ke atas aspek perubahan dasar luar negara yang dilakukan oleh Dr. Mahathir Mohamad sebaik sahaja beliau mengambil alih pucuk pimpinan negara pada tahun 1981 sehinggahalah beliau bersara pada tahun 2003.

2.2 Definisi Dasar Luar

Dasar luar boleh dianggap sebagai instrumen atau alat yang diperlukan oleh sesebuah negara untuk berhubung, berinteraksi dengan sebuah negara yang lain, baik yang berjiran dengannya atau yang berada jauh dengannya.³¹ Melalui dasar luar, kita menyatakan pendirian kita berhubung dengan sesuatu isu yang berlaku di sempadan negara kita maupun negara lain yang jauh dari segi kedudukan geografi dalam hubungan antarabangsa. Dalam sistem perhubungan antarabangsa, pembentukan dasar juga perlu mengambil kira dasar luar atau sikap negara-negara lain. Dasar luar boleh berubah mengikut senario politik antarabangsa. Tetapi, apa yang penting ialah dasar luar perlu mengutamakan kepentingan negara dan juga keselamatan serta kemakmuran penduduknya.

K.J. Holsti dalam bukunya, *International: A Framework for Analysis* mendefinisikannya sebagai mempertahankan nilai asas nasional sesebuah negara dalam soal kebebasan dan kedaulatan tanahairnya, ekonomi, kebijakan sosial dan meninggikan imej dan prestij negara itu di peringkat antarabangsa.³²

³¹ <http://faculty.unitar.klj1.edu.my/> hlm. 201-202

³² Holsti, K.J., *International Politics: A Framework for Analysis*, New Jersey: Prentice-Hall, Inc., 1967

Hans Morgenthau yang sependapat dengan K.J. Holsti pula, selain mengemukakan dasar luar sebagai mempertahankan nilai asas kepentingan dan keselamatan nasional mendefinisikannya sebagai usaha yang dibuat oleh sesebuah negara untuk memanjangkan satu kepentingan golongan yang berpengaruh di peringkat antarabangsa. Ini kerana dalam sesebuah negara itu, terdapat berbagai golongan dan setiap golongan ini mempunyai kepentingan tersendiri.³³

James N. Rosenau menerangkan angkubah idiosinkratik, angkubah main peranan, kerajaan, masyarakat dan sistematik sebagai elemen penting dalam mempengaruhi dasar luar sesebuah negara. Beliau mentafsirkan angkubah idiosinkratik sebagai faktor kepimpinan pembuat dasar yang bertanggungjawab dalam memperkenal dan implementasi sesebuah dasar luar negara.³⁴

Sementara itu, Karl W. Deutsh pula mentafsirkan membuat keputusan polisi luar negara sebagai kombinasi di antara maklumat baru dan pengalaman. Tindakbalas atau *feedback* serta pengaliran komunikasi di antara lima peringkat iaitu elit sosio-ekonomi, elit politik dan kerajaan, media massa, pandangan pemimpin dan masyarakat awam mempengaruhi membuat keputusan dasar luar negara.³⁵

Joshua S. Goldstein pula mendefinisikan dasar luar sebagai satu strategi yang digunakan oleh kerajaan dalam membantu ia beraksi di arena antarabangsa. Dasar luar

³³ Chamil Wariya, *Dasar Luar Era Mahathir*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti, 1989, hlm. 6

³⁴ James N. Rosenau, "Pre Theories and Theories of Foreign Policy", dlm. R. Barry Farrel (ed), *Approaches to Comparative and International Politics*, Evanston: Northwestern University Press, 1976, hlm. 42

³⁵ Murugesu Pathmanathan, *Readings In Malaysian Foreign Policy*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya Bhd. 1980, hlm. 110

yang dibentuk menggariskan objektif atau matlamat negara yang harus dicapai oleh pemimpin negara.³⁶

Sementara itu, Robert D. Canton dalam karyanya mentafsir dasar luar sebagai satu cara bagi sesebuah negara mencapai matlamatnya di arena politik antarabangsa. Dengan kata lain, fokus dasar luar negara ialah menjaga dan memelihara keselamatan, kemakmuran ekonomi, kekuatan dan prestij sesebuah negara.³⁷

Manakala, Roy E. Jones, apabila membuat pengertian ke atas dasar luar negara, berpendapat ia sebagai pembentukan strategi konsisten yang bersehaluan dengan keperluan dan kepentingan negara serta memotivasiakan pemimpin negara dalam hubungan antarabangsa.³⁸ Selain itu pengetahuan tentang keperluan dan kepentingan negara akan dijadikan asas panduan kepada pemimpin politik apabila berurusan dengan dunia luar.

Cecil V. Crabb pula, secara ringkasnya mendefinisikan dasar luar sebagai gabungan dua elemen penting iaitu: matlamat negara yang harus dicapai dan kemampuan untuk mencapai matlamat tersebut.³⁹ Interaksi di antara matlamat negara dan sumber bagi mencapai matlamat tersebut adalah dianggap sebagai subjek '*perennial*' dalam dasar luar negara.

³⁶ Joshua S. Goldstein, *International Relations*, Washington D.C: Harper Collins Publishers, 1994, hlm. 95

³⁷ Robert D. Canton, *Introduction to International Politics*, Illinois: Temple University F.E. Peacock Publishers, Inc., 1976, hlm. 80

³⁸ Roy E. Jones, *Principles of Foreign Policy: The Civil State In Its World Setting*, Oxford: Martin Robertson & Company Ltd, 1979, hlm. 35

³⁹ Cecil V. Crabb, Jr., *American Foreign Policy in the Nuclear Age*, 3rd ed. New York: Harper and Row, 1972, dlm. Couloumbias Theodore A., dan Wolfe James H. (ed), *Introduction to International Relations: Power and Justice*, New Jersey: Prentice-Hall, Inc. 1978, hlm. 35

Menurut Murugesu Pathmanthan, dasar luar adalah jalinan dari dasar dalam negeri sesebuah negara. Sebaliknya, terdapat perhubungan dan pertalian yang rapat di antara hubungan luar sesebuah negara dan dasar dalam negerinya. Ini jelas terbukti di dalam struktur dan organisasi ekonomi sesebuah negara dan hubungannya dengan sistem ekonomi antarabangsa.⁴⁰

Bekas Menteri Luar Malaysia, Mohd. Ghazali Shafie pula mendefinisikan dasar luar sebagai:

"Foreign policy is concerned with safeguarding and promoting national interests. Relations among nations change as their national interests dictate... our basic national interests... are the security and the wellbeing, both economic and otherwise, of our nation."⁴¹

K.S. Nathan pula berpendapat formulasi dan pengurusan dasar luar negara ialah satu proses interaksi dinamik yang berterusan di antara persepsi dan realiti dan di antara kepentingan dan kemampuan sesebuah negara dengan negara yang lain.⁴² Faktor yang mempengaruhi pembentukan dasar luar ialah termasuk kedudukan strategik geografi, kekuatan ketenteraan, sumber kekayaan, kekuatan ekonomi, keadaan politik domestik, ancaman keselamatan dan akhir sekali kepemimpinan sesebuah negara.

⁴⁰ Murugesu Pathmanathan, *Malaysia Dan Dunia Luar: Sumbangan Mahathi*, Petaling Jaya: Economic Research Associates, 1990, hlm. 5

⁴¹ Mohd. Ghazali Shafie, *Malaysia: International Relations*, Kuala Lumpur: Creative Enterprise Sendirian Berhad, 1982, hlm. 164

⁴² K.S. Nathan, "The Major Powers and Malaysian Foreign Policy: Facing the Challenge of Change Towards 2020", dlm. Abdul Razak Baginda dan Rohana Mahmood (ed). *Malaysia's Defence Foreign Policies*, Kuala Lumpur: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., 1995, hlm. 25

2.3 Orientasi Dasar Luar

Meluaskan pasaran Malaysia ke dunia luar adalah penting bagi ekonomi Malaysia dari segi jangka panjang. Oleh yang demikian itu, Dr Mahathir Mohamad menggunakan dasar luarnya untuk memenuhi kepentingan nasional Malaysia dalam forum-forum antarabangsa.⁴³ Melalui dasar luarnya kepentingan nasional iaitu memelihara keselamatan nasional, menjaga keutuhan wilayah dan kebebasan politik serta kepentingan ekonomi iaitu mendapatkan pasaran dan mencari pelaburan dapat diberi perhatian serius. Dengan kata lain, di bawah kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad dasar luar telah digerakkan untuk menjaga kepentingan dalam negeri di arena antarabangsa. Untuk memenuhi matlamat ini beliau telah memberi penekanan yang lebih besar kepada diplomasi ekonomi.⁴⁴

Tidak keterlaluan jika dikatakan kelantangan Dr. Mahathir Mohamad sebagai jurucakap negara-negara membangun telah membantu memperkenalkan Malaysia di peringkat antarabangsa dengan begitu meluas sekali. Malaysia bukan sahaja lebih dikenali oleh negara-negara maju, tetapi juga oleh negara-negara kecil yang mendapat faedah daripada program kerjasama teknik yang diwujudkan oleh Malaysia untuk membantu mereka.⁴⁵ Harapannya di sini bukan sekadar untuk menjalin hubungan, tetapi juga untuk mencari pasaran bagi barang dan perkhidmatan Malaysia di negara-negara yang tidak dipandang oleh pemimpin-pemimpin sebelum Dr. Mahathir Mohamad. Di bawah pegangan ini, asas hubungan Malaysia dengan negara-negara asing tidak lagi

⁴³ Chamil Wariya, *Dasar Luar Era Mahathir*, hlm. vii

⁴⁴ ibid. hlm. 126

⁴⁵ ibid. hlm.127

kepada diasaskan kepada ideologi atau politik seperti sebelum itu. Malaysia sedia menjalin hubungan dengan mana-mana negara yang mempunyai ideologi dan sistem politik yang berbeza dengannya sekiranya hubungan itu boleh memberi faedah ekonomi kepadanya.

2.4 Kupasan Kajian Lepas

David Camroux, dalam *Looking East and Inwards: International Factor in Malaysian Foreign Relation During Mahathir Era, 1981-1994*, menyatakan Dasar Luar era Mahathir lebih tertumpu kepada empat buah badan dunia yang utama iaitu ASEAN, OIC, Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan Komanwel.⁴⁶ Mengikut penulis, Dr. Mahathir Mohamad menggunakan keempat-empat pertubuhan tersebut bagi memperlihatkan peranannya sebagai '*middle power*' dan '*good international citizen*'. Dalam soal negara-negara ASEAN misalnya, Dr Mahathir Mohamad mengambil pendekatan kepada kerjasama bidang ekonomi. Ia dapat dilihat dalam ucapan Dr. Mahathir Mohamad di majlis *Third Asia Pacific Roundtable* yang dianjurkan oleh ISIS, mahukan kerjasama ekonomi dipertingkatkan di kalangan anggota ASEAN. Penulis berpendapat Dr. Mahathir Mohamad mempunyai pandangan yang kritikal terhadap ketidakmampuan ASEAN bagi mencapai integrasi kerjasama ekonomi yang lebih mantap lagi.

Dalam konteks Asean juga penulis berkata, Malaysia cuba menonjolkan imejnya sebagai sebuah negara '*lead by example*' dengan mengurangkan tariff lebih awal dari

⁴⁶ David Camroux, *Looking East And Inwards: Internal Factors in Malaysian Foreign Relations During The Mahathir Era, 1981-1994*, Queensland: Faculty of Asian and International Studies, 1994, hlm. 14

jangkamasa yang ditetapkan oleh perjanjian AFTA semata-mata kerana ingin memenuhi kepentingan ekonomi Malaysia. Selain ASEAN membuka ruang kepada kepentingan ekonomi Malaysia tetapi ia juga dipergunakan sebagai forum untuk mengemukakan pandangan Malaysia serta diperhebahkan kepada dunia luar.

Dalam OIC pula, penulis berkata, Dr. Mahathir Mohamad menggunakan keanggotaan Malaysia dalam badan tersebut bagi meletakkan dirinya sebagai pemimpin sebuah negara Islam, justeru memenuhi kepentingan politik domestik. Ia digunakan untuk mengurangkan sokongan pengundi-pengundi kepada parti-parti politik yang berideologikan Islam, khususnya parti PAS. Selain itu, pentadbiran Dr. Mahathir Mohamad juga mengambil beberapa inisiatif bagi melaksanakan dasar-dasar kerajaan yang berprinsipkan Islam. Penyertaan Malaysia dalam OIC pula dianggap dapat membantu menonjolkan parti UMNO sebagai sebuah parti Islam yang '*legitimate*' di kalangan orang-orang Melayu. Pada masa yang sama, dalam aspek ekonomi pula Malaysia berjaya meningkatkan jumlah ekspotnya ke negara-negara Timur Tengah. Ia terserah apabila Malaysia berjaya diterima masuk sebagai salah seorang ahli *International Islamic Chamber of Commerce* yang beribu pejabat di Jeddah.

Di era Dr. Mahathir Mohamad juga, dasar luar Malaysia yang tertumpu kepada Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) telah mendorong beliau berusaha gigih agar kepentingan dan kebijakan negara-negara membangun dapat dipertahankan. Penulis menyatakan Dialog Selatan-Selatan iaitu kerjasama ekonomi di antara negara-negara membangun begitu digalakkan di mana Malaysia telah berperanan bersungguh-sungguh bagi membentuk Kumpulan G-15. Sekali lagi, agenda ekonomi telah menjadi perkara

utama bagi Dr. Mahathir Mohamad dalam hubungannya dengan negara-negara anggota tersebut.

Menyentuh tentang Pertubuhan Komanwel pula, penulis berkata walaupun pada awalnya Dr. Mahathir Mohamad mempunyai pandangan yang kritikal terhadap pertubuhan Komanwel tetapi telah mengubah pendiriannya kerana menganggap ia dapat dipergunakan sebagai forum untuk mempertahankan kepentingan negara-negara membangun. Atas dasar tersebut itulah maka Dr. Mahathir Mohamad telah menghantar menteri perdagangannya sebagai salah seorang wakil ahli kumpulan Komanwel ke Eropah bagi menjayakan Rundingan Uruguay. Walaupun dasar luar Malaysia dianalisis dengan rapi dalam kajian ini, tetapi penulis tidak menyebut peranan Dr. Mahathir Mohamad sebagai jurucakap negara-negara membangun dengan begitu jelas.

Mengikut kajian yang dibuat oleh Johan Saravanamuttu pula, didapati bahawa dasar luar era Mahathir lebih tertumpu bukan saja kepada soal keselamatan dan keutuhan wilayah negara malah lebih menjurus kepada soal ekonomi politik dan pembangunan negara. Secara ringkasnya, penulis berpendapat era Dr. Mahathir Mohamad dianggap sebagai rejim ekonomi kapitalis yang bersifat autoritarian yang sentiasa mencari peluang memperluaskan ekonominya selaras dengan perubahan dan perkembangan semasa politik serantau selepas tamatnya perang dingin.⁴⁷

⁴⁷ Johan Saravanamuttu, "Malaysia's Foreign Policy in The Mahathir Period, 1981-1985: An Iconoclast Come to Rule", *Asian Journal of Political Science*, Volume 4 Number 1 June 1996, hlm. 14

Menurut penulis, dalam usaha mencapai matlamat pembangunan ekonominya, Dr. Mahathir Mohamad telah memperkenalkan Dasar Pandang ke Timur untuk mencapai status sebagai sebuah negara industri baru-NICs (*Newly Industrialized Countries*). Pada masa yang sama pendekatan untuk membangunkan masyarakat bumiputera dalam sektor ekonomi turut dilaksanakan dan diberi perhatian yang khusus, memandangkan masyarakat tersebut dianggap jauh ketinggalan dalam bidang pembangunan ekonomi jika dibandingkan dengan kemajuan yang dicapai oleh kaum lain.⁴⁸

Penulis berkata lagi, dasar *Buy British Last* yang dilancarkan oleh Dr. Mahathir Mohamad sejurus selepas mengambil alih kepimpinan negara, walaupun pada hakikatnya berkaitan dengan sentimen anti British kerana menjadi penjajah, akan tetapi ia juga untuk meraih perhatian masyarakat setempat dan mengalihkannya kepada negara-negara Timur yang maju seperti Jepun dan Korea. Menurut Dr. Mahathir Mohamad, pengenalan Dasar Pandang ke Timur adalah untuk mempelajari etika, kemahiran, sikap serta budaya orang Jepun bekerja dan seterusnya mengadakan hubungan kerjasama ekonomi dengan negara-negara tersebut.

Penulis juga dalam menganalisis mempertingkatkan kerjasama ekonomi ASEAN, berpendapat pengenalan *East Asia Economic Group* (EAEG) oleh Dr. Mahathir Mohamad adalah sebagai memperluaskan lagi skima kerjasama ekonomi yang lebih besar kepada ASEAN. Dr. Mahathir Mohamad berpendapat dalam aspek ekonomi ASEAN tidak lagi mampu untuk bersaing dengan kekuatan Kesatuan Eropah ataupun Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) dan menganggap EAEC adalah

⁴⁸ ibid.

satu-satunya peluang yang boleh diwujudkan. Namun begitu, idea beliau telah mendapat tantangan dari Amerika Syarikat kerana khuatir ia akan bertukar menjadi sebuah blok perdagangan di rantau Asia. Pada akhirnya sebagai menenangkan hati Amerika Syarikat maka namanya telah ditukarkan kepada 'caucus'.

Selain itu, menurut penulis lagi penglibatan Malaysia sebagai pasukan petugas pengamanan *Unprofor-United Nations Force* di bawah payung PBB lebih terserlah di bawah kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad. Walaubagaimanapun, segala pendekatan yang digunakan oleh beliau dalam pelaksanaan dasar luar Malaysia adalah didorongi oleh keinginan untuk menarik perhatian umat Islam di peringkat antarabangsa dan juga umat Islam setempat. Begitu juga dengan isu Palestin dan Perang Teluk, Malaysia menentang dengan lantang segala bentuk pencerobohan dan penindasan yang dilakukan oleh kuasa asing ke atas negara tersebut, yakni masyarakat Islam.

Pada keseluruhannya, apa yang diutarakan oleh penulis ialah segala pendekatan yang diambil dalam melaksanakan dasar luar negara di era Dr. Mahathir Mohamad adalah berlandaskan kepada peluang pembangunan ekonomi negara serta memenuhi kehendak dan matlamat negara dalam mencapai cita-citanya sebagai sebuah negara perindustrian yang baru. Jelas di sini penulis menekankan faktor domestik sebagai faktor penting dalam analisis dasar luar negara dan bukan lagi kepada soal idiosinkratik.

Sementara itu, Shanti Nair pula menganalisis bagaimana identiti agama memain peranan dalam pembentukan dasar luar negara semasa pentadbiran Dr. Mahathir Mohamad. Beliau cuba menganalisis menggunakan tema Islam dan hubungkaitnya dalam

pelaksanaan polisi luar Malaysia. Mengikut beliau, walaupun Malaysia adalah sebuah negara yang penduduknya terdiri dari pelbagai kaum dan fahaman tetapi kaum Melayu yang lebih dominan suka mengidentifikasi dirinya dengan Islam. Misalnya, UMNO sebagai sebuah parti yang besar dan berpengaruh berperanan sebagai pejuang dan pelindung bangsa Melayu, telah menggunakan faktor identiti Islam itu sebagai asas untuk kekuatan dan legitimasi politik.⁴⁹ Selain dari itu, isu ketegangan kaum serta impak kemajuan ekonomi negara yang mendadak serta kehadiran pengaruh politik luaran, telah menjadikan Islam sebagai faktor pemungkin dalam menentukan iklim politik negara sejak merdeka lagi. Dalam konteks, ini penulis cuba mengartikulasikan pandangannya dengan menyatakan bahawa hubungan yang kompleks di antara identiti agama Islam dan pengaruhnya ke atas dasar luar Malaysia sememangnya tidak dapat dipisahkan. Penulis juga turut memperincikan bagaimana suasana politik dalam negeri boleh terjejas kesan dari kebangkitan agama Islam dan menilai sejauhmana kesannya kepada dimensi polisi luar Malaysia. Menurut beliau, usaha-usaha memperjuangkan nasib umat Islam yang begitu menonjol merupakan langkah-langkah kerajaan untuk mempertahankan kuasa politik dan mendapat tempat dalam masyarakat Melayu agar kekuasaan dan keagungannya tidak tercabar oleh mana-mana parti politik khususnya yang berideologikan agama Islam.

Jelas dalam kajiannya penulis telah menganalisis bagaimana dasar luar negara yang beridentifikasi Islam dapat dipergunakan untuk tujuan kepentingan politik tempatan dan seterusnya sebagai instrumen untuk mendapatkan pengaruh dan kekuasaan politik khususnya bagi parti UMNO.

⁴⁹ Shanti Nair, *Islam in Malaysian Foreign Policy*, New York: Routledge, 1997, hlm. 9

Selanjutnya, Michael Leifer, dalam *Asean and The Security of Southeast Asia*, cuba memperlihatkan bagaimana Dr. Mahathir Mohamad dengan gaya kepimpinannya tersendiri berjaya mengatasi isu kompleks yang boleh menggugat kestabilan politik dengan negara anggota ASEAN. Penulis menimbulkan satu analisis yang baik berkaitan dengan isu tekanan Malaysia ke atas dasar luar Singapura ekoran daripada lawatan Presiden Israel Chaim Herzog ke negara tersebut pada tahun 1986. Dalam hubungan ini beliau menegaskan pembentukan ASEAN pada 8 Ogos 1967 adalah berasaskan kepada pengiktirafan oleh pengasasnya bahawa sebarang pertelingkahan dan konflik antara negara-negara di rantau ini akan merugikan. Walaubagaimanapun, hubungan antara Malaysia-Singapura telah mengalami pergeseran dalam tahun 1986 ekoran lawatan Presiden Israel ke Singapura. Walaupun dalam rukun pemuaafakatan ASEAN negara-negara anggota tidak mempunyai hak untuk membantah atau mencampuri hal-ehwal dalam negeri anggota yang lain, tetapi pada kali ini perkara sebaliknya telah berlaku. Pelbagai pihak di Malaysia, terutamanya golongan yang menentang kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad, mengambil kesempatan ini untuk menunjukkan semangat nasionalismenya dengan mengutuk dan mendesak agar tindakan ke atas Singapura diambil. Walaupun pada awalnya Dr. Mahathir Mohamad tidak teringin campurtangan dalam hal ini, namun demi menjaga kedudukannya beliau terpaksa melakukan bantahan diplomatik secara formal ke atas perlakuan tetangga Malaysia itu berikutan bantahan yang meluas dalam negeri.

Joseph Liow pula membahagikan dasar luar Dr. Mahathir Mohamad kepada tiga fasa utama. Dalam menganalisa tiga fasa tersebut, penulis mengutarakan tiga faktor

penentu dalam pembentukan polisi dasar luar Malaysia, iaitu kepimpinan dan peranan Dr Mahathir Mohamad, pengaruh politik domestik dan pengaruh politik antarabangsa.⁵⁰

Menurut penulis, fasa pertama adalah bermula dari 1981-1985 dan dipengaruhi oleh perang dingin dan ancaman komunisme. Keadaan sedemikian menyebabkan Malaysia terpaksa bergantung kepada Barat dalam aspek bantuan ekonomi dan memelihara keselamatan negara. Walaupun dalam pelaksanaan dasar luar negara tumpuan utama diberikan kepada Jepun akan tetapi atas kepentingan ekonomi domestik, Malaysia tiada mempunyai pilihan lain dan terpaksa bergantung kepada Barat.

Fasa kedua pula adalah dari jangkamasa 1985-90 dan penulis melihat bagaimana selepas tamatnya Perang Dingin dalam jangkamasa tersebut memberi peluang kepada Dr. Mahathir Mohamad memberi perhatian serius kepada soal perdagangan dan pembangunan ekonomi negara berbanding soal keselamatan. Menurut penulis dalam jangkamasa ini juga dasar luar Malaysia ditumpukan kepada strategi memperkuuhkan kedudukan beliau sebagai pemimpin dunia Islam dan sebagai pemimpin nasionalis. Dasar protest Dr. Mahathir Mohamad lebih terserlah dalam jangkamasa ini apabila beliau bertindak menjaga dan memperjuangkan kebajikan negara-negara Islam dan negara Dunia Ketiga.

Dalam fasa ketiga pula, faktor idiosinkratik dan faktor politik domestik menjadi unsur penting dalam hala tuju dasar luar negara. Dengan berakhirnya Perang Dingin serta

⁵⁰ Joseph Liow, "Determinants of Malaysia's Foreign Policy in the Mahathir Administration", dlm. Ho Leong dan James Chin (ed), *Mahathir's Administration: Performance and Crisis in Governance* Singapore: Times Books International, 2001, hlm. 12

meningkatnya fenomena saling bergantungan dalam aspek perdagangan dan ekonomi maka ia telah membuka ruang kepada Dr. Mahathir Mohamad untuk menentukan dasar luar negara yang berbentuk asertif, bebas, diplomasi *profit* dan nasionalistik. Rhetorik nasionalis dan sikap anti Barat Dr. Mahathir Mohamad sebenarnya telah membantu mengangkat martabat beliau sebagai pemimpin nasionalis yang unggul dan peluang ini digunakan sebaik-baiknya untuk memenuhi matlamat politik domestik beliau terutamanya ketika legitimasi kepimpinan beliau tergugat akibat krisis politik dalaman. Apa yang menarik perhatian penulis tentang dasar atau polisi luar Dr. Mahathir Mohamad ialah walaupun dasar luarnya berbentuk nasionalistik dan seolah-olah anti barat tetapi yang anehnya beliau masih bergantung kepada negara-negara barat dari segi dana dan bantuan untuk membangunkan ekonomi Malaysia.

K.S. Nathan dalam penulisannya cuba melihat dasar luar Malaysia dari sudut pengenalan Visi 2020 yang dianggapnya mempunyai pengaruh ke atas perkembangan politik domestik dan pembentukan polisi luar negara.⁵¹ Menurut penulis bagi mencapai visi tersebut, Malaysia sebagai sebuah negara membangun memerlukan kemajuan ekonomi yang mantap, politik yang stabil serta keselamatan negara yang kukuh. Oleh yang demikian itu, bagi merealisasikan Visi 2020, maka Dr. Mahathir Mohamad memperkenalkan ideanya *East Asia Economic Caucus* (EAEC) pada bulan Disember 1990. Walaubagaimanapun, cita-cita Dr. Mahathir Mohamad itu mendapat sambutan yang dingin dari kalangan negara anggota Asean itu sendiri kerana bimbang ia akan mengundang ketidaksenangan Amerika Syarikat yang menganggapnya sebagai sebuah

⁵¹ K.S. Nathan, "The Major Powers and Malaysian Foreign Policy: Facing the Challenge of Change Towards 2020", dlm. Abdul Razak Baginda dan Rohana Mahmood (ed), *Malaysia's Defence & Foreign Policies*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1995, hlm. 26-29, 33-34

blok perdagangan Asia. Menurut Washington, EAEC hanya akan memberi laluan yang mudah bagi Jepun untuk memperkuuhkan lagi pengaruh ekonomi serta pasaran bagi Jepun di Asia. Sejak EAEC tidak menyenaraikan Amerika Syarikat dan negara Barat yang lain seperti Kanada dan Australia sebagai anggotanya maka cadangan tersebut ditolak oleh Amerika Syarikat kerana bimbang akan menggugat kepentingan ekonomi, politik serta strateginya di rantau Asia Pasifik nanti. Walaupun Nathan bersetuju bahawa dasar luar negara sangat dipengaruhi oleh faktor domestik tetapi beliau begitu kagum dengan peranan individu Dr. Mahathir Mohamad dalam mengurus hal ehwal luar negara.

Sementara itu, Khoo Teik Boo pula, dalam karyanya *Paradoxes of Mahathirsm: An Intellectual Biography of Dr. Mahathir Mohamad*, menulis bagaimana Dr. Mahathir Mohamad dari peringkat awal lagi cuba meletakkan dasar luar negara di bawah kuasa dan autoriti beliau. Walaupun ada menteri luar negeri yang berpengalaman seperti Tan Sri Ghazali Shafei di lantik untuk mengurus hal ehwal luar negeri tetapi Dr. Mahathirlah yang menentukan dimensi-dimensi baru dalam pembentukan hala tuju dasar luar negara. Daripada pengamatan penulis, era Mahathir merupakan satu era pemusatan kuasa dalam membuat keputusan dan melaksanakan dasar luar bagi tujuan mencapai kepentingan kedudukan peribadi Dr. Mahathir Mohamad dalam hiraki politik Malaysia dan melayani egonya di pentas dunia. Dalam kajiannya, penulis juga turut menyatakan Dr. Mahathir Mohamad lebih mengutamakan hubungannya dengan negara-negara anggota ASEAN sebagai negara-negara serantau, negara-negara Islam kerana hubungkaitnya dengan politik tempatan, Negara-Negara Berkecuali-NAM dan negara-negara Komanwel.

Begitu juga dengan buku Chamil Wariya, *Mahathir dan Isu Utama Dunia* yang menghuraikan dasar luar Malaysia sebelum Dr. Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri. Buku ini menghuraikan evolusi dasar luar Malaysia dari sebuah negara yang pro Barat, anti komunis dan kemudian menjadi sebuah negara yang berkecuali.⁵² Perubahan ini ditinjau dalam konteks perubahan kepimpinan dari Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Tun Hussien Onn serta juga iklim politik antarabangsa yang bertukar dari era perang dingin. Sewaktu mengumumkan haluan dasar-dasar luar Malaysia, Dr. Mahathir Mohamad tidak membuat perubahan struktur. Beliau meneruskan dasar luar yang sedia ada, tetapi dengan beberapa penekanan baru. Menurut beliau, keutamaan dasar luar negara dalam berinteraksi dengan unit-unit politik antarabangsa yang lain adalah seperti berikut. Pertama ASEAN, kedua negara-negara Islam, ketiga Negara-Negara Berkecuali, keempat negara-negara komunis, dan akhir sekali hubungan dengan negara-negara yang tidak termasuk dalam mana-mana pertubuhan itu. Dengan kata lain, dasar luar Malaysia di bawah kepimpinannya adalah berbentuk kesinambungan dan perubahan.

Sementara itu Pathmanathan dan Lazarus menganalisis perubahan dasar-dasar luar negara yang dibuat oleh Dr. Mahathir Mohamad berbanding dengan pemimpin sebelumnya. Menurut Pathmanathan dan Lazarus, Dr. Mahathir Mohamad memperkenalkan gaya kepimpinan yang amat berbeza kerana lebih tertumpu kepada isu-isu antarabangsa atau global berbanding dengan isu-isu serantau.⁵³ Sejak merdeka lagi, dasar luar negara Malaysia memperkenalkan polisi yang stabil dan mantap kerana pemimpin-pemimpin terdahulu berperanan sebagai penyambung atau pelaksana tradisi dasar negara yang sedia

⁵² Chamil Wariya, *Dasar Luar Era Mahathir*, hlm. 35

⁵³ Murugesu Pathmanathan dan David Lazarus, *Winds of Change: The Mahathir Impact on Malaysia's Foreign Policy*, Kuala Lumpur: Eastview Productions Sdn. Bhd., 1984, hlm. 28

wujud. Walaubagaimanapun di bawah era pentadbiran Dr. Mahathir Mohamad, beliau ingin menonjolkan dirinya sebagai orang pertama dalam menggubal hala tuju dasar luar negara yang baru. Sejak Dr. Mahathir Mohamad mengambil tampuk pemerintahan negara, segala keputusan dasar luar negara jelas memperlihatkan dimensi-dimensi pemikiran politik beliau seperti memperkenalkan Dasar Pandang Ke Timur, *Buy British Last*, mengutamakan isu-isu masyarakat Islam dunia dan sebagainya. Bermula daripada tahun 1981, beliau begitu berpengaruh sekali dalam pembentukan dasar luar Malaysia. Dan menurut penulis lagi, fenomena tersebut tidak wujud sewaktu pentadbiran Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak mahupun Tun Hussein Onn. Gaya kepimpinan Dr Mahathir Mohamad jelas membawa perubahan-perubahan yang drastik tanpa sebarang pengaruh atau ikatan dengan keputusan polisi dasar luar negara yang dibuat sebelumnya. Ini terbukti dengan perubahan dasar luar daripada sebuah negara yang berkiblatkan barat, khususnya Britain telah berubah kepada prinsip-prisip perjuangan Negara-Negara Berkecuali-NAM. Gagasan dasar luar negara Dr. Mahathir Mohamad sememangnya memerlukan dan megejutkan para pemerhati politik. Ternyata penulis dalam kajiannya menyanjung tinggi peranan aktif Dr. Mahathir Mohamad dalam pengurusan dasar luar negara tetapi tidak menyebut alasan kenapa berlakunya perubahan pada orientasi tersebut.

Dalam kajian tesis oleh Mokhtar, beliau pula cuba membandingkan dasar-dasar luar yang diperkenalkan oleh keempat-empat Perdana Menteri Malaysia. Menurut beliau, di zaman pemerintahan Dr. Mahathir Mohamad, Malaysia mementingkan konsep universalisme, membuat pakatan baru, memberi keutamaan kepada kewibawaan

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu-PBB dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali-NAM dalam menyelesaikan masalah antarabangsa.⁵⁴

Mokhtar menambah, Dr. Mahathir Mohamad sebenarnya tidak membuat perubahan radikal kepada struktur dasar luar Malaysia dalam tempoh 1981-1990 tetapi meneruskan dasar luar yang sedia ada dengan beberapa penekanan baru. Perubahan dasar luar yang dilakukan oleh Dr. Mahathir Mohamad hanyalah dari segi mengubah corak penglibatan Malaysia di dalam hal ehwal antarabangsa. Perubahan corak penglibatan Malaysia ini dilakukan oleh Dr. Mahathir Mohamad adalah bertujuan memelihara dan menjaga kepentingan nasional. Malaysia juga mulai dilihat dan diakui cergas mengendalikan isu antarabangsa selain menjalin hubungan dengan negara luar. Berbeza dengan Tun Abdul Razak dan Dato' Hussein Onn, Dr. Mahathir lantang menyuarakan ketidakadilan kuasa-kuasa besar dunia ke atas negara-negara kecil. Dan melalui dasar luar ini juga, Dr. Mahathir Mohamad telah menggalakkan pelabur-pelabur asing melabur di Malaysia. Beliau bukan sahaja dianggap mahu menguasai keadaan politik nasional malah telah berusaha membawa Malaysia ke peringkat antarabangsa dalam bidang politik dan ekonomi. Penulis berpendapat Dr. Mahathir Mohamad adalah seorang pemimpin yang kontroversial kerana suka mencabar dan bersifat agresif dan paling banyak memperkenalkan ide-ide baru.

Mohamad Abu Bakar pula menulis tentang peranan Malaysia dalam politik dunia Islam, khususnya dengan kehadiran Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri dan

⁵⁴ Mokhtar bin Muhammad, *Dasar Tun Abdul Razak, Dato' Hussein Onn dan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dari 1970-1990. Kesinambungan Dan Perubahan*, Tesis Dr. Falsafah, Universiti Malaya, 1998, hlm. 435-437

setelah berakhirnya era Perang Dingin.⁵⁵ Penulis menyatakan faktor-faktor seperti kejayaan ekonomi negara dan kelantangan kepimpinan nasional terhadap isu-isu antarabangsa, termasuk ketidakberkesanan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan komitmen Islam Malaysia telah melahirkan impak tersendiri dalam pengurusan umat Islam. Kuala Lumpur dipercayai mengorak langkah bagi memastikan Pertubuhan Persidangan Islam-OIC menjadi proaktif sejajar dengan potensinya sebagai organisasi yang besar dan bersifat mewakili kepentingan umat Islam dan selari dengan perkembangan semasa yang menyaksikan peningkatan cabaran luar terhadap umat Islam. Menurut penulis lagi, pembabitan Malaysia dalam politik dunia Islam adalah manifestasi dan dimensi keislaman orang Melayu sebagai penganut Islam dan kesan akibat daripada pergolakan antarabangsa yang penuh konflik. Oleh itu, Malaysia menggarap nilai-nilai Islam dalam pelaksanaan dasar luarnya, dan seterusnya memperlihatkan kecendurungan Islam yang nyata, dengan tumpuan diberi terutama sekali kepada perpaduan umat Islam dan kerjasama ekonomi dan teknik di kalangan mereka. Setelah Dr. Mahathir Mohamad mengambil alih jawatan sebagai Perdana Menteri pada tahun 1981, negara-negara Islam semakin mendapat keutamaan dan perhatian berbanding Komanwel dan Pergerakan Negara Berkecuali.

Menurut pandangan Mohamad Abu Bakar, Malaysia di bawah pimpinan Dr. Mahathir Mohamad memainkan peranan yang berpanjangan di kawasan Muslim itu dan meletakkannya dalam barisan negara-negara Muslim yang aktif membela nasib umat Islam. Penulis menyatakan terdapat beberapa faktor menentukan pendirian dan

⁵⁵ Mohamad Abu Bakar, *Islam dan Aspirasi Kebangsaan Dalam Masyarakat Melayu Malaysia Masa Kini*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, hlm. 21

pelaksanaan dasar Islam Malaysia antaranya ialah kesedaran Islamnya sendiri, iklim politik dalam negeri, dan keupayaannya berbuat demikian disebabkan pencapaian ekonominya yang memberangsangkan. Tambah lagi, kesediaan kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad untuk mengetengahkan Malaysia sebegitu rupa di bawah dasar luar begitu terserlah di bawah kepimpinannya.

Seorang lagi penulis, Salahuddin Yusof, dalam karyanya *Dasar-Dasar Luar Malaysia*, berpendapat sejak menjawat jawatan Perdana Menteri dalam tahun 1981, Dr. Mahathir Mohamad telah mula mengadakan langkah-langkah perubahan dalam beberapa dasar yang telah memberikan era baru dalam dasar luar Malaysia. Dr. Mahathir Mohamad dengan cara yang agak berbeza dan berani membawa unsur penyatuan yang penting bagi suatu dasar yang seimbang dan meliputi dasar luar yang lama dan baru.⁵⁶ Penumpuan pertamanya ialah dasar luar Malaysia yang bersikap berkecuali dan memberikan keutamaan pada kerjasama serantau, hubungan dengan negara-negara Islam, Dunia Ketiga dan juga Komanwel.⁵⁷ Langkah yang positif ialah menjalinkan hubungan erat, mesra dan kerjasama dengan negara-negara baru yang lebih kecil yang telah mendapat kemerdekaan. Menurut beliau, kerjasama ini menjadi asas bagi rancangan-rancangan Kerjasama Selatan-Selatan di kalangan komuniti negara-negara Dunia Ketiga. Keberanian dan kelantangan Dr. Mahathir Mohamad dalam menyuarakan pelbagai isu di peringkat antarabangsa telah membuka mata pemimpin-pemimpin dunia terutamanya para pemimpin di negara-negara membangun.⁵⁸ Menurut beliau dua unsur penting yang

⁵⁶ Murugesu Pathmanathan, *Isu-isu Hal Ehwal Antarabangsa*, Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd. 1985, hlm. 9-10

⁵⁷ Chamil Wariya, "Dasar Luar Malaysia Berubah Menurut Perkembangan", Utusan Malaysia, 31 Ogos 1987

⁵⁸ Haw Tian Soo, "Malaysia Terus Dapat Perhatian Dunia", Berita Harian, 31 Disember 1990

menonjol dalam dasar luar beliau ialah sokongan yang kuat terhadap rakyat Palestin dan tindak balas kepada revolusi Islam Iran.

Morais, dalam karyanya *Mahathir: Triumph After Trials*, menyentuh tentang kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad dalam memperkenalkan dasar-dasar baru yang kontroversial yang menjadi asas kepada pembangunan negara. Walaupun dasar-dasar luar negara yang diperkenalkan oleh Dr. Mahathir Mohamad ditafsir sebagai anti barat tetapi beliau dapat menyedarkan negara-negara barat bahawa Malaysia walaupun sebuah negara yang kecil tetapi mempunyai peranan dan tanggungjawab yang sama sepertimana anggota-anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang lain. Dasar luar Malaysia yang bebas adalah aspirasi Dr. Mahathir Mohamad yang membuktikan negara ini tidak akan tunduk kepada sebarang tekanan luar dalam pembentukan polisinya. Pendirian beliau yang tegas terhadap sesuatu dasar luar negara adalah konsisten dengan aspirasi dan cita-cita negara. Misalannya, beliau memperkenalkan Dasar Pandang Ke Timur dan *Buy British Last* yang telah memberikan kejutan yang besar kepada Britain ketika ia sedang berusaha untuk memperkuatkan hubungan ekonominya dengan Malaysia. Tindakan Dr. Mahathir yang radikal terhadap polisi-polisi British terhadap Malaysia sebelum ini hanya dilihat dari sudut ekonomi sahaja dan bukan dari aspek hubungan dasar luar yang berbentuk kepentingan politik.

Robin Adshead, dalam *Mahathir of Malaysia: Statesman and Leader*, selain membincarkan biografi tentang Dr. Mahathir Mohamad dan pembaharuan-pembaharuan yang dibawanya dalam pentadbiran negara, cuba memperhalusi kepimpinan yang ditonjolkan oleh Dr. Mahathir Mohamad di peringkat antarabangsa. Sejak Dr. Mahathir

Mohamad mengambil teraju pemerintahan negara, beliau menunjukkan kepada dunia bahawa Malaysia bukanlah sebuah negara yang boleh dipaksa atau ikut telunjuk orang lain meskipun dari negara-negara berkuasa besar. Beliau tidak lagi ragu-ragu untuk menyatakan gagasan serta pandangannya secara terbuka di pentas dunia. Dr. Mahathir Mohamad juga berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mengidentifikasi diri Malaysia sebagai sebuah negara anggota NAM kepada dunia atas semangat memperjuangkan prinsip berkecuali. Beliau begitu kritikal sekali terhadap kedua-kedua blok Timur dan Barat dan tidak pernah mencuba untuk menyertai mana-mana blok tersebut. Sebaliknya, setelah Malaysia dipilih sebagai salah sebuah anggota Majlis Keselamatan PBB, ia dilihat sebagai satu peluang baginya memperjuangkan nasib malang negara-negara membangun dengan lebih agresif lagi seperti mengetengahkan isu Palestin, dasar Apartheid Afrika Selatan dan isu kepentingan menjaga Antartika sebagai warisan dunia di pentas antarabangsa. Namun begitu penjelasan tentang kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad sebagai jurucakap negara-negara membangun tidaklah terperinci.

Harun Derauh dan Shafie Nor, dalam buku mereka *Mahathir: Cita-cita dan Pencapaian*, meninjau pendirian dan pandangan Dr. Mahathir Mohamad berhubung struktur dan perkembangan masyarakat Malaysia di akhir tempoh pelaksanaan DEB. Buku ini juga menumpukan perhatian kepada isu-isu politik dan kepimpinan semasa dan akan datang dalam melahirkan sebuah masyarakat moden. Perhatian khusus diberikan kepada peranan dan tanggungjawab UMNO dan parti-parti politik lain dalam mencapai matlamat tersebut.

Rajendran pula dalam penulisannya bertajuk *Mahathir Mohamad Prime Minister of Malaysia*, menyentuh tentang sejarah riwayat hidup Dr. Mahathir Mohamad dari alam persekolahan sehingga menjadi Perdana Menteri Malaysia yang keempat. Dalam buku ini juga, pengarang menulis serba ringkas tentang krisis-krisis politik dan ekonomi yang dihadapi oleh beliau sewaktu menjadi Perdana Menteri tanpa langsung membincangkan peranannya sebagai jurucakap negara-negara membangun.

Zakry Abadi, dalam bukunya *Mahathir Machiavelli Malaysia* pula telah cuba membandingkan ketokohan dan kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad sebagai Machiavellian. Kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad dalam membangunkan kedinamikan bangsanya digambarkan menyamai falsafah politik ‘matlamat menghalalkan cara’ Niccolo Machiavelli, seorang pengarang dan ahli politik Itali yang terkenal dengan bukunya ‘The Prince’ (1513-1532). Parti-parti pembangkang menganggap Dr. Mahathir Mohamad sama seperti falsafah Niccolo Machiavelli, seorang pemimpin yang bertalam dua muka, tidak mempunyai dasar pegangan, tidak berbudi, menganut falsafah melakukan apa sahaja bagi mencapai maksud, diktator dan bercorak jahat. Walaubagaimanapun ia adalah satu pandangan atau anggapan subjektif semata-mata. Ia belum dibuktikan benar.

Selain itu, Hasan Hj. Hamzah, dalam bukunya *Mahathir: Great Malaysian Hero* membincangkan tentang politik, ekonomi dan pembaharuan sosial yang berlaku di bawah pemerintahan Dr. Mahathir Mohamad dan isu-isu kontroversial yang boleh menggugat kestabilan dan masa depan politik beliau. Cabaran politik Tengku Razaleigh Hamzah dalam merebut jawatan Presiden UMNO adalah dianggap isu yang amat genting

sekali. Isu pembatalan pendaftaran parti UMNO pada tahun 1987 serta kelahiran parti Semangat 46 dan penggabungannya dengan parti pembangkang yang lain bagi menentang kepimpinan Dr. Mahahir Mohamad turut menggugat kedudukan politik beliau. Selain itu, penulis juga mengutarakan krisis-krisis politik yang membawa kepada perletakan jawatan oleh Datuk Musa Hitam sebagai Timbalan Perdana Menteri, pemecatan Hakim Negara Tun Salleh Abbas, skandal BMF, kemelesatan ekonomi negara dan perubahan-perubahan dasar luar negara di bawah kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad.

Dalam buku *Mahathir's Paradigma Shift*, yang ditulis oleh Aziz Zariza Ahmad, membincangkan perubahan dasar-dasar di bawah pentadbiran Mahathir yang pada mulanya pro Barat tetapi telah berubah kepada dasar-dasar yang lebih menonjol dan membincangkan isu-isu negara-negara membangun. Buku ini juga menjelaskan bagaimana beliau memperkenalkan dasar Pandang Ke Timur dan *Buy British Last* serta pendirian yang tegas terhadap isu-isu Apartied, benua Antartika dan isu Palestin.

Sementara itu, Zainuddin Maidin pula dalam bukunya *Mahathir Di Sebalik Tabir* membicarakan secara terperinci tentang pergolakan politik negara ini sejak kemerdekaan, dan peranan serta tindak tanduk Dr. Mahathir Mohamad sebagai seorang pelaku utama dalam perkembangan tersebut. Penulis menganalisis bagaimana Dr. Mahathir Mohamad menangani peristiwa-peristiwa seperti pemecatannya daripada UMNO, kekalahannya dalam pilihanraya, perebutan kuasa yang sengit dalam parti itu, peristiwa berdarah konflik kaum yang menggegar negara dan sebagainya.

Menurut Zainuddin Maidin lagi, sebagai Perdana Menteri yang mewarisi pentadbiran negara ini daripada tiga orang Perdana Menteri sebelumnya, Dr. Mahathir Mohamad sekaligus merupakan penerus dan pembaharu. Dr. Mahathir Mohamad bukan sahaja sebagai seorang pengamat yang kritis tentang tahap awal pemerintahan negara ini terutamanya terhadap pentadbiran Tunku Abdul Rahman tetapi juga sebagai seorang yang telah membawa banyak perubahan, pendekatan dan pembaharuan pada zaman pemerintahannya sendiri. Perubahan itu didorong oleh ciri-ciri zamannya yang telah banyak mengalami perubahan, namun sebahagiannya pula merupakan perubahan yang berpunca daripada sikap, pandangan dan pendekatan Dr. Mahathir Mohamad yang berbeza daripada Perdana Menteri yang mendahuluinya itu. Dalam kerangka pembicaraan ini, penulis telah meghuraikan aspek-aspek tentang sikap dan pandangan Dr. Mahathir Mohamad mengenai hubungan dengan pelbagai konsep seperti kedudukan Raja-Raja Melayu, Melayu Baru, Islam dan pemodenan, Dasar Ekonomi Baru, demokrasi, politik wang dan sebagainya.

Dalam autobiografinya Tengku Ahmad Rithaudeen pula menyebut bagaimana Dr. Mahathir Mohamad memainkan peranan yang penting dalam Kerjasama Selatan-Selatan khususnya dalam bidang pembangunan ekonomi.⁵⁹ Menurut beliau, Dr Mahathir Mohamad pada satu ketika dulu pernah lebih mengutamakan dasar luarnya kepada Kerjasama Selatan-Selatan berbanding dengan Persidangan Kemuncak Komanwel. Menurut beliau lagi, Dr. Mahathir merupakan satu-satunya pemimpin dunia yang utama yang berusaha bersungguh-sungguh dalam pembentukan negara-negara kumpulan G-15

⁵⁹ K.N. Nadarajah, *Tengku Ahmad Rithaudeen: His Story*, Selangor: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., 2000, hlm. 159

yang terdiri dari negara-negara membangun dan memperjuangkan kepentingan mereka di arena antarabangsa.

Tengku Ahmad Rithaudeen juga menyebut bagaimana Dasar Pandang Ke Timur Dr Mahathir Mohamad mewujudkan reaksi negatif serta ketidaksenangan di kalangan negara-negara Barat. Bagi Dr. Mahathir Mohamad dasar luar tersebut penting dalam mempelajari nilai moral, etika dan budaya kerja masyarakat Jepun dan Korea dan seterusnya menjadikan ia sebagai matlamat utama politik beliau dalam pelaksanaan dasar luar Malaysia.

Menurut beliau Dr. Mahathir dianggap sebagai '*Statesman of International Statesman*' kerana beliau berani menyuarakan pandangan kritisnya terhadap isu-isu ketidakadilan masyarakat antarabangsa dan sebagai pemimpin negara-negara dunia ketiga beliau patut dihormati dan didengar pandangannya. Walaubagaimanapun autobiografi yang ditulis oleh penulis gagal menyebut tentang kejayaan dasar-dasar luar Dr. Mahathir Mohamad yang membolehkan beliau digelar sebagai jurucakap negara-negara membangun.

2.5 Kesimpulan

Pada amnya karya-karya yang disebutkan di atas tadi jelas tidak menyatakan peranan dan kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad dalam menuarai isu-isu negara-negara membangun di peringkat antarabangsa. Kebanyakan penulis hanya tertumpu kepada soal peranan dinamik Dr. Mahathir Mohamad dalam membawa arus perubahan pada dasar

luar negara berbanding dengan pemimpin-pemimpin sebelumnya. Mereka lebih suka memuji sifat kedinamikan Dr. Mahathir Mohamad dalam mengurus dasar luar negara berbanding dengan pemimpin lain. Walaupun terdapat karya yang membincangkan perubahan dasar-dasar luar di zaman Dr. Mahathir Mohamad tetapi ia gagal dalam menganalisis faktor-faktor dasar luar tersebut dalam mempengaruhi kepimpinan beliau sebagai jurucakap negara-negara membangun. Kajian-kajian tentang perubahan dasar luar negara yang dilakukan oleh Dr. Mahathir Mohamad itu tidak memadai bagi kita menganalisis secara terperinci kejayaan yang dicapai oleh beliau dalam mendokong cita-cita dan matlamatnya dalam membela nasib nasib negara-negara membangun yang semakin ditindas oleh negara-negara maju. Sesungguhnya kajian tentang kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad dalam menjuarai isu-isu negara-negara membangun serta mempertahankan kepentingan mereka di peringkat antarabangsa adalah kurang, terutama sekali dalam membincangkan kepimpinan beliau sebagai jurucakap negara-negara membangun.